

Siasatan SPRM rungkai kebenaran

Warga seni muzik sudah lama berdepan kemelut isu royalti

Oleh Farihad Shalla Mahmud, Fatin Farhana Ariffin dan Noor Atiqah Sulaiman
bhhip@bh.com.my

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sudah memulakan siasatan terhadap dakwaan penyalahgunaan dana hasil kutipan royalti hak cipta lagu yang diterima oleh penggiat industri muzik di Malaysia.

Mengikut sumber, satu operasi dijalankan di empat pejabat dipercayai terbahit dalam proses kutipan royalti iaitu Hak Cipta Muzik (MACP) Berhad, Public Performance Malaysia (PPM) Sdn Bhd dan Recording Performers Malaysia (RPM) Berhad.

"Buat masa ini, SPRM sedang mengambil dokumen berkaitan dan beberapa individu berkaitan akan dipanggil untuk membantu penyiasatan ini," kata sumber.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, mengesahkan pihaknya sudah memulakan siasatan berhubung isu berkenaan.

"Masih terlalu awal untuk memberi kenyataan berhubung siasatan bagi berlaku adil terhadap semua pihak.

"Semua pihak diminta tidak mensensasikan isu ini dan memberikan masa yang secukupnya kepada SPRM bagi dijalankan siasatan secara telus, adil dan profesional," katanya.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sebelum ini, Presiden Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan), Freddie Fernandez, dilaporkan meminta campur tangan SPRM dalam pertikaian mengenai royalti sekitar RM30 juta yang belum dibayar kepada artis rakaman. Beliau kecewa dengan ke-

mungkinan beberapa 'tangan tersembunyi' memanipulasi kutipan royalti untuk keuntungan mereka sendiri.

Sementara itu, Pengerusi PPM, Rosmin Hashim mengesahkan pihaknya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM.

"Pejabat PPM didatangi SPRM pada 25 November lalu. Kedatangan mereka untuk mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk membantu penyiasatan.

"Kami sudah menyerahkan dokumen yang diperlukan kepada pegawai SPRM. Saya tidak melihat ia sebagai satu perkara negatif. Usaha SPRM adalah peluang terbaik untuk PPM membersihkan nama daripada sebarang pertuduhan, jadi kami menyambut baik usaha dijalankan SPRM," katanya kepada HIP.

Katanya, tidak hanya PPM, malah tiga badan royalti lain, MACP, RPM dan Music Rights Malaysia (MRM) Berhad juga bersedia memberikan kerjasama penuh.

Rosmin yang juga Naib Pengerusi Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) berharap penyiasatan terhadap penyalahgunaan dana hasil kutipan royalti hak cipta lagu dapat diselesaikan segera.

"PPM tidak mahu isu ini mengganggu operasi dan memberi kesan kepada pemuzik, penulis lagu, penulis lirik, penyanyi dan syarikat rakaman.

"Besarnya kemungkinan ia berkait rapat dengan kenyataan Presiden Karyawan itu. Bagaimanapun, tak mengapa, kami tetap akan memberikan kerjasama baik untuk siasatan," katanya.

Kini, segala persoalan dan kekeliruan berhubung dana hasil kutipan royalti hak cipta lagu penggiat seni muzik bakal terbongkar apabila SPRM memulakan siasatan.

Warga seni muzik menyifatkan tindakan SPRM menyerbu empat pejabat badan pengurusan royalti artis bagi siasatan berhubung isu dana hasil kutipan royalti hak cipta lagu sebagai tindakan tepat.

Penulis lirik terkenal, Ad Samad yang sudah sekian lama memperjuangkan isu royalti dalam kalangan penggiat seni berkata, tindakan itu wajar dilakukan agar segala kekeliruan berkaitan badan pengurusan royalti diketahui.

"Saya mengalu-alukan tindakan SPRM membuat siasatan kerana ia dapat memberi pencekalan, mencari kebenaran dan

melaikan segala kekusutan dalam kalangan ahli berhubung pengurusan royalti. Terlalu banyak perkara negatif dikaitkan dengan empat badan kutipan royalti ini.

"Saya harap siasatan dibuat dengan telus dan tanpa prejudis. Tidak perlu takut jika badan mengurus kutipan royalti ini tak buat salah. Tetapi, jika terbukti ada penyelewengan berlaku seperti yang didakwa, bersiap sedia untuk menerima akibatnya," katanya.

Mengulas dakwaan Freddie, Ad atau nama sebenarnya, Ahmad Shahadrian A Samad berkata, sebagai persatuan yang menjaga kebajikan artis, Karyawan sedia maklum dengan kemelut yang melanda badan kutipan royalti itu.

"Saya percaya pasti ada ahli membuat aduan mengenai isu pengagihan royalti yang tertanggung sejak sekian lama kepada Freddie. Mungkin fokus utama isu ini membabitkan ahli RPM dan PRISM. Namun, secara peribadi, saya sendiri berdepan masalah dengan semua badan kutipan royalti ini.

"Melihat kemelut berlaku pada RPM, saya ingin memujuk presidennya, Datuk Sheila Majid supaya meletak jawatan. Saya tak yakin beliau mampu menjalankan tanggungjawab selepas melihat apa yang berlaku," katanya.

Sementara itu, walaupun bersestuju dengan tindakan SPRM, penyanyi terkenal, Datuk Hattan berpendapat, lebih baik

masalah diselesaikan menerusi meja rundingan.

"Masalah berkaitan royalti ini sudah berlaku ketika kewujudan badan pelesenan muzik tunggal, Music Rights Malaysia Berhad (MRM) lagi. Bagi saya, ini adalah masalah persatuan secara keseluruhan. Kenapa tak nak duduk semeja untuk menyelesaikan masalah ini.

"Apabila perkara ini sudah membabitkan pihak berkuasa seperti SPRM, saya bimbang isu akan berlanjutan dan keadaan semakin rumit. Bukan semakin jernih, tetapi bertambah keruh. Apa yang bagus, maklumat terperinci mengenai kutipan royalti sebelum ini akan didedahkan.

"Difahamkan, kutipan dibuat setiap tahun, tetapi duit itu digagihkan ke mana?," soal penyanyi yang popular dengan lagu *Memburu Rindu* itu.

Penyanyi legenda, Datuk Khadijah Ibrahim berkata, dia tidak memperoleh sebarang kutipan royalti sejak Badan Pengutip Royalti Hak Pelaku dan Persembahan Artis (PRISM) dibubarkan.

"Saya tak menerima kutipan royalti, biarpun lagu nyanyian saya sentiasa diputarkan di corong radio.

"Ketika PRISM masih beroperasi dapat juga merasa bahagian saya, tetapi itu pun tidak banyak. Saya kesal dengan bayaran royalti diterima selepas Akta Hak Cipta dipinda.


"Saya hanya dapat royalti sebanyak ratusan ringgit sahaja sejak 20 tahun lalu. Saya kecewa dengan syarikat rakaman tidak mengambil tindakan menentukan hak mendapat royalti apabila lagu ke udara," katanya.

Tidak mahu masalah royalti terus berlanjutan, Khadijah berharap, ia dapat diselesaikan dengan baik tanpa pertelingkahan dengan mana-mana pihak.

Selain itu, Khadijah turut menyokong dengan penubuhan satu badan kutipan sahaja bagi mengelakkan kekeliruan.

"Saya rasa kekeliruan berpunca daripada kewujudan dua badan yang mewakili artis, di mana kedua-duanya, RPM dan PRISM tidak diuruskan dengan baik kerana kelemahan dalam pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah.

"Sudah tiba masanya hanya satu badan diwujudkan untuk memperjuangkan hak royalti artis. Saya berharap kerajaan tidak akan membenarkan orang yang tamak dan mahu memusnahkan satu sistem baik yang sudah dibuktikan, sebelum ini," katanya.



Hattan

Ad Samad

Khadijah Ibrahim



Kami sudah menyerahkan dokumen yang diperlukan kepada pegawai SPRM. Saya tidak melihat ia sebagai satu perkara negatif.

Rosmin Hashim, Pengerusi PPM